



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	SELANGORKINI
Date	14 OCTOBER 2016

Bukti kemampuan tadbir urus

Tun M: Contohi Selangor

Selangorkini
- 14/10/2016

OLEH NAZLI IBRAHIM

MUAR - Kerajaan Selangor adalah model terbaik untuk dicontohi sekiranya pembangkang berjaya membentuk kerajaan baharu di peringkat Persekutuan selepas pilihan raya umum nanti.

Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Pakatan Selangor berjaya membuktikan kemampuan mentadbir kerajaan dengan urus tadbir baik dan memberi pelbagai faedah kepada rakyat.

"Dulu, saya ingat parti lawan ini apa yang dia tahu pasal pentadbiran? Dia habiskan duit rakyat tetapi sekarang sebaliknya.

"Mereka lakukan benda baik terutama kepada orang miskin," kata Dr Mahathir yang juga Penasihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) pada program

Dulu, saya ingat parti lawan ini apa yang dia tahu pasal pentadbiran? Dia habiskan duit rakyat tetapi sekarang sebaliknya. Mereka lakukan benda baik terutama kepada orang miskin

TUN MAHATHIR
Mantan Perdana Menteri

ceramah Bicara Rakyat Bersatu di Sungai Terap, Pagoh, di sini, pada 8 Oktober lalu.

Katanya, keadaan itu sekali gus menidakkan dakwaan kononnya hanya Umno yang mampu me-

ngurus sesebuah kerajaan.

Katanya, antara program boleh dipertimbangkan sekiranya Pakatan berjaya merampas Putrajaya adalah pemberian air percuma, hadiah perkahwinan dan tabung kelahiran baharu seperti Tabung Anak Warisan Selangor (TAWAS) yang dilaksanakan Kerajaan Selangor.

"Tentukan kita dapat kerajaan baharu di peringkat Persekutuan supaya boleh buat seperti Kerajaan Selangor. Saya tak mahu janji tapi kita timbangkan bagi air percuma dan sedikit duit kalau kahwin tapi yang pertama sahajalah," katanya.

Ceramah umum itu turut menampilkan Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali; Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Naib Presidennya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.